

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 JANUARY 2017

Rakyat berpendapatan rendah diutamakan

BH- 26/1/2017

→ PM mahu lebih banyak program pembangunan dirangka dalam NCIA

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak mahu lebih banyak program pembangunan mengutamakan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah, dilaksanakan bagi memastikan mereka turut menerima manfaat pembangunan negara.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Redza Rafiq, berkata perkara itu ditekankan dalam mesyuarat NCIA ke-17 yang dipengerusikan Perdana Menteri di Perdana Putra, semalam.

“Bagi NCIA tahun ini, beliau menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk mencapai pelaburan RM7.4 bilion, mewujudkan 7,400 peluang kerja dan meningkatkan pendapatan kumpulan 40 peratus berpendapatan terendah (B40) kepada RM2,100 sebulan menerusi projek berimpak tinggi, merentas sempadan serta berteraskan rakyat.

Bantu masyarakat setempat

“Ini selaras objektif utama NCIA iaitu ‘Pembangunan Berteraskan Kesaksamaan Sosial’ di mana kami membantu masyarakat setempat dengan memberi nilai tambah kepada produk dihasilkan atau bidang yang diceburi, sekali gus me-

ningkatkan sosioekonomi mereka.

“Melalui Pelan Tindakan 2017, NCIA menjangkakan pelaburan akan dijana pertumbuhan baharu seperti projek Lembah Chuping, Kedah Rubber City, Taman Sains dan Teknologi Kedah serta Greater Kamunting,” katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat itu.

Yang hadir sama, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang turut menyertai Perdana Menteri untuk meluangkan masa beramah mesra dengan 21 penduduk setempat yang menerima manfaat pembangunan NCIA, termasuk mendengar pengalaman lima penerima

manfaat ‘Program NCIA Bersama Komuniti Koridor Utara’.

Pelaburan terkumpul RM79.92b

Redza berkata, sejak penubuhan NCIA pada 2008 sehingga 2016, ia berjaya meraih pelaburan terkumpul RM79.92 bilion dengan mewujudkan 103,600 peluang kerja dan yakin projek berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) boleh membantu negara mencapai ekonomi RM2 trilion menjelang 2023.

Menerusi Pelan Induk 2.0 sehingga tahun 2025, NCIA menyasarkan untuk melaksanakan 80 inisiatif, 45 projek tempatan berimpak tinggi, 28 projek berteraskan rakyat dan tujuh bidang pembangunan.